



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

ANJUNG KASIH YKN: KEMUDAHAN SELESA, SELAMAT DAN BERKUALITI UNTUK RAKYAT

SANDAKAN, 12 Disember – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah merasmikan Anjung Kasih YKN Kent Cottage Hospital Duchess of Kent di Sandakan, Sabah.

Anjung Kasih YKN merupakan rumah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya ahli keluarga yang kurang berkemampuan tetapi perlu mengiringi pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dengan berkonsepkan selesa, selamat dan berkualiti. YKN telah mendapat sumbangan daripada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang menjadi penaja bagi penubuhan Anjung Kasih YKN Kent Cottage Hospital Duchess Sandakan dengan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berjumlah RM1,003,500.

“Kerajaan sentiasa prihatin dan komited terhadap keperluan rakyat dalam menubuhkan Anjung Kasih YKN di hospital yang menjadi hospital rujukan kepada pesakit yang datang dari luar daerah. Waris pesakit yang mengiringi pesakit yang mendapatkan rawatan kini tidak perlu berulang alik dari rumah atau menginap di hotel dengan kadar sewa yang agak tinggi”, ujar Datuk Seri Rina Mohd Harun semasa ucapan perasmian.

Seramai 80,574 waris pesakit telah mendapat manfaat dari 16 buah Anjung Kasih YKN di seluruh negara.

Selain daripada peruntukan kerajaan, usaha ini telah mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat korporat lain. YKN telah berjaya mendapat tajaan berjumlah RM4.5 juta bagi penubuhan empat Anjung Kasih YKN :

- TNB - Anjung Kasih YKN Hospital Serdang
- TNB - Anjung Kasih YKN Hospital Melaka
- Sunway Group - Anjung Kasih YKN Seberang Jaya
- PETRONAS - Anjung Kasih YKN Hospital Duchess of Kent

Turut hadir pada majlis tersebut, YB Datuk Ir Shahelmey Yahya, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat merangkap Exco Kesihatan Negeri Sabah, YBhg Datin Anita Azrina A Aziz, Ketua Kumpulan Komunikasi Strategik PETRONAS, YBrs Dr. Francis Paul, Pengarah Hospital Duchess of Kent, Pengurusan Tertinggi PETRONAS serta Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN.

###

Disediakan oleh
Unit Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia, Aras 8,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.
12 Disember 2021

ANJUNG KASIH YKN

1. Hospital Selayang Selangor
2. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang
3. Hospital Miri, Sarawak
4. Hospital Umum Kuching Sarawak
5. Hospital Tuanku Jaáfar Seremban Negeri Sembilan
6. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang
7. Hospital Sibu Sarawak
8. Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh Perak
9. Hospital Serdang Selangor
10. Hospital Pulau Pinang
11. Hospital Tuanku Fauziah Kangar Perlis
12. Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar Kedah
13. Hospital Melaka
14. Hospital Duchess of Kent Sandakan Sabah
15. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Johor
16. Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang